



PROGRAM I'M BOOK, READ ME SEMPENA HARI BUKU KANAK-KANAK SEDUNIA

BICARA PUSTAKAWAN

CHATGPT: CABARAN
PENGGUNAAN DI IPT

PROGRAM ULASAN BUKU
PUSTAKAWAN UNISEL



PEMBUKA BICARA



PENASIHAT
Hafiz Abdul Rahim

EDITOR
Zairil Azwan Osman

PEREKA GRAFIK
Nor Suhaiza Zainol

**PENULIS &
JURUFOTO**

Pustakawan
Perpustakaan
UNISEL

PENGEDARAN
Unit LSDM

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Pada keluaran kedua pada tahun 2023 (Mac - April 2023), Perpustakaan UNISEL mewakili Universiti Selangor (UNISEL) dengan kerjasama Majlis Buku Kanak-Kanak dan Remaja Malaysia (MBBY) petang tadi mengadakan program I'm a Book, Read Me bersempena dengan Hari Buku Kanak-Kanak Sedunia. Program yang diadakan di Sudut Kanak-Kanak, Perpustakaan UNISEL, Kampus Bestari Jaya itu dihadiri oleh para peserta yang terdiri daripada anak-anak staf

UNISEL.

Selain itu, Perpustakaan UNISEL telah mengadakan program ulasan buku Membangun Negara Madani yang melibatkan Pustakawan di Kampus Bestari Jaya. Program ini dijayakan bagi memekarkan budaya ilmu bermula di Peringkat Pustakawan selain daripada Siri Bicara Buku yang menampilkan panel jemputan daripada fakulti dan jabatan.

Bersempena bulan Syawal ini, pihak Buletin Perpustakaan UNISEL mengucapkan Selamat Hari

Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin. Semoga Aidilfitri ini memberi kita semua kegembiraan tanpa batas, semoga semua keinginan kita menjadi kenyataan di hari suci ini dan semoga kita dan keluarga diberkati oleh rahmat Allah.

Salam hormat,

ZAIRIL AZWAN OSMAN
Editor
zairil@unisel.edu.my

ISI KANDUNGAN

Program Ulasan Buku Pustakawan Unisel	1
Program I'm a Book Read Me Sempena Hari Buku Kanak-Kanak Sedunia	2
BICARA PUSTAKAWAN: ChatGPT: Cabaran Penggunaan di IPT	4
Program Literasi Maklumat	6
Aktiviti Perpustakaan UNISEL	7
Album Pelawat & Lawatan	10
Ulasan Buku	11
E-Resources	13

Buletin Perpustakaan UNISEL ini bertujuan menyampaikan informasi berkaitan perkhidmatan kemudahan dan aktiviti di Perpustakaan UNISEL. Hantarkan komen anda bagi meningkatkan mutu penerbitan buletin ini melalui saluran komunikasi berikut:

Editor Buletin Perpustakaan UNISEL
Perpustakaan UNISEL, Kampus Shah Alam

Jalan Zirkon A7/A, Seksyen 7,
40000 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-55223596

Emel: zairil@unisel.edu.my

PROGRAM ULASAN BUKU PUSTAKAWAN UNISEL



Bestari Jaya, 12 April 2023 | Perpustakaan UNISEL hari ini mengadakan program ulasan buku Membangun Negara Madani yang melibatkan Pustakawan di Kampus Bestari Jaya yang diadakan di Bilik Ibn Battuta, Perpustakaan UNISEL Kampus Bestari Jaya.

Program ini merupakan salah satu aktiviti utama Perpustakaan dalam memekarkan budaya ilmu bermula di Peringkat Pustakawan selain daripada Siri Bicara Buku yang menampilkan panel jemputan daripada fakulti dan jabatan.

Untuk sesi kali ini, semua Pustakawan terlibat dalam mengupas buku Membangun Negara Madani ini di mana setiap seorang diperuntukkan tempoh masa antara 10 hingga 15 minit dan mengulas bab-bab yang telah ditetapkan.

PROGRAM I'M BOOK, READ ME SEMPENA HARI BUKU KANAK-KANAK SEDUNIA

SELAMAT
DATANG

**HARI BUKU KANAK-KANAK
SEDUNIA 2023**

PROGRAM MEMBACA "I'M A BOOK, READ ME"



**Presiden & Naib Canselor
Universiti Selangor**

**YBHG. PROF. DATO' DR.
MOHAMMAD REDZUAN BIN OTHMAN**

**Majlis Perasmian
Hari Buku Kanak-Kanak Sedunia 2023**

**01 APRIL 2023 (SABTU)
4.45 - 5.45 PETANG
SUDUT KANAK-KANAK
PERPUSTAKAAN UNISEL
KAMPUS BESTARI JAYA**

unisel unisel library

Perpustakaan UNISEL dengan kerjasama
Majlis Buku Kanak-Kanak & Remaja (MBBY)

Universiti Selangor (UNISEL) menerusi Perpustakaan UNISEL dengan kerjasama Majlis Buku Kanak-Kanak dan Remaja Malaysia (MBBY) petang tadi mengadakan program I'm a Book, Read Me bersempena dengan Hari Buku Kanak-Kanak Sedunia yang disambut pada 2 April setiap tahun.

Program yang diadakan di Sudut Kanak-Kanak, Perpustakaan UNISEL, Kampus Bestari Jaya itu dihadiri oleh para peserta yang terdiri daripada anak-anak staf UNISEL berumur 15 tahun kebawah.

Menurut Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman, Presiden dan Naib Canselor UNISEL dalam ucaptamanya, program ini amat bermakna bagi melahirkan anak-anak cinta terhadap buku dan bahan bacaan.

Beliau juga menyifatkan aktiviti membaca dapat mempertingkatkan daya kreativiti serta meningkatkan kemampuan akademik kanak-kanak. Budaya membaca harus sentiasa diamalkan dengan memanfaatkan kemudahan fasiliti yang terdapat di Perpustakaan UNISEL ini.



Di akhir program, sesi penyampaian hadiah disempurnakan oleh Presiden dan Naib Canselor di mana semua peserta diberikan sijil penghargaan dan hadiah diberikan kepada penceritaan terbaik iaitu adik Hamiza Syau-rah Ahmad Fadilah, adik Muhammad Zaid Afwan Mohd Fairuz dan adik Muhammad Zubair Aiman Mohd Fairuz.



Turut hadir sepanjang program Prof. Dr. Md Sidin Ahmad Ishak, Timbalan Naib Canselor Akademik, Penyelidikan dan Jaringan Industri, En.Hafiz Abdul Rahim, Ketua Perpustakaan serta para keluarga peserta.



ChatGPT : CABARAN PENGUNAAN DI IPT

Kewujudan teknologi kecerdasan buatan yang lebih dikenali sebagai *artificial intelligence* (AI) seumpama ChatGPT akan terus mempengaruhi lanskap akademik terutamanya dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP) dan penyelidikan di institusi pendidikan tinggi (IPT). Apatah lagi ketika industri hari ini turut berkembang dengan adaptasi aplikasi teknologi kecerdasan buatan untuk bersaing meningkatkan kualiti perkhidmatan dan produktiviti pengeluaran.

ChatGPT kini telah menjadi aplikasi percuma terbaru yang popular dalam menyelesaikan tugas penulisan dan pencarian maklumat melalui jalan pintas. AI sudah lama wujud, namun mengalami lonjakan hasil pembangunan pesat teknologi cip, kemajuan teknik pengaturcaraan komputer, pengolahan data dan

pemodelan statistik. AI merupakan teknologi yang meniru kepintaran otak manusia dengan kemampuan untuk belajar memperbaiki mutu kerjanya dari masa ke masa hingga dapat berfungsi lebih cekap dan sempurna bagi melaksanakan suatu tugas. Kini AI sudah tidak asing lagi dalam kehidupan manusia, bahkan penggunaannya sudah tersebar luas ke pelbagai sektor industri seperti automotif, kesihatan dan kewangan. Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) yang berasaskan sistem digital kini berjalan rancak di serata dunia didorong oleh kemampuan AI sebagai salah satu kunci pemuat utama.

Seiring dengan perkembangan aplikasi teknologi kecerdasan buatan pada hari ini, telah tiba masanya ahli akademik di IPT untuk mengambil inisiatif menambah baik PdP sedia ada secara serius. ChatGPT dan perisian kecerdasan buatan seumpamanya

bukanlah suatu cabaran baharu, malahan aplikasi ini telah mendapat tempat dalam industri untuk mengautomasi aktiviti rutin.

Beberapa isu terkait penambahbaikan PdP perlu diberi perhatian segera di setiap IPT untuk berdepan dengan aplikasi teknologi AI seperti ChatGPT:


- Mempergiat program kesedaran sebagai dinding pertahanan utama. Adalah penting untuk ahli akademik dan pelajar dididik tentang kelebihan dan kelemahan kandungan hasil kerja daripada aplikasi AI.
- Mengaplikasi pentaksiran alternatif yang lebih kreatif dan tulen. Penggunaan pentaksiran autentik yang melibatkan persekitaran masalah dunia sebenar seperti dalam komuniti dan industri merupakan kaedah yang dapat menggalakkan pembudayaan aktiviti

meneroka dan menyelidik secara beretika dan bukannya sekadar duduk berinteraksi dengan ChatGPT.

- Menggalakkan inisiatif perkembangan penyelidikan aplikasi AI dalam akademik. Malahan terdapat penyelidikan dan inovasi hari ini sedang dihasilkan untuk mengesan hasil kerja aplikasi AI, seperti GPTZero.
- Melihat cabaran sebagai peluang dalam fasa beradaptasi dengan aplikasi AI. Ahli akademik perlu memanfaatkan potensi teknologi AI untuk menggalakkan lebih banyak inovasi dapat dihasilkan dalam aktiviti PdP.

Memperkasa kaedah berpegang kepada prinsip etika profesional dalam bidang akademik. Sekiranya elemen integriti dijadikan budaya, pelajar dan para ilmuan akan dapat menggunakan perkakasan AI dengan tujuan yang lebih rasional dan tepat.

Aplikasi AI seperti ChatGPT seharusnya dilihat sebagai pemangkin



perubahan dalam PdP. Adalah lebih praktikal untuk warga IPT memanfaatkan peluang dalam aplikasi AI menerusi pembudayaan aktiviti meneroka dan sikap ingin tahu. Seharusnya pengalaman pendidikan di IPT menyediakan graduan tersedia masa hadapan yang dapat menyesuaikan diri dengan cabaran kerjaya dalam dunia realiti. Kebergantungan pada teknologi AI juga boleh membuatkan pelajar terlalu bergantung pada teknologi

tersebut sehingga mengabaikan kemampuan dan keterampilan pelajar yang diperlukan dalam pelbagai bidang. Justeru itu, penting untuk memastikan AI digunakan dengan cara yang bertanggungjawab dan beretika di bawah kawalan manusia agar tidak menjadi ancaman. AI adalah teknologi yang menjanjikan potensi besar untuk mengubah dunia, namun ia harus digunakan hanya untuk menyempurnakan kelangsungan kehidupan makhluk dan alam.



PROGRAM LITERASI MAKLUMAT




07 & 08 Mac 2023 | Membantu pelajar menyemak senarai rujukan FYP mereka dgn memastikan rujukan adalah mengikut format APA.

AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL




07 Mac 2023 | Dua orang pustakawan UNISEL telah menyertai Bengkel Persediaan Penulisan Kertas Persidangan IFLA WLIC 2023 secara atas talian.



10 Mac 2023 | Pemasangan printer daripada pihak Vendor Toshiba di Perpustakaan Tingkat 2 serta instalasi perisian di setiap PC di Pejabat Pentadbiran Perpustakaan dan Unit LSDM.

AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL



CLASS P. LANGUAGE AND LITERATURE ←	
PE128.A2 H - PE128.A2 M	PE128.A2 967 - PE128.A2 9
PE128.A2 N - PE128.A2 O	PE128.A2 T - PE128.A2 Y
PE128.A2 P - PE128.A2 R	PE128.A2 U - PE128.A2 Y
PE128.A2 S - PE128.A2 996	PE128.A3 A - PE128 A

CLASS P. LANGUAGE AND LITERATURE →	
PE128 .D - PE128 .D	PE128 .865 - PE128 .878
PE128 .P - PE128 .P	PE128 .905 - PE128 .736
PE128 .R - PE128 .356	PE128 .737 - PE128 .747
PE128 .364 - PE128 .364	PE128 .753 - PE128 .7

22 Mac – 04 April 2023 | Scheduled Shelves Monitoring (tugasan yang dijalankan pada setiap cuti semester)

- Shelving, Shelf read & merekod no. panggilan untuk tujuan penyediaan Panduan No. Panggilan.
- Mengedit no. panggilan mengikut template.
- Mencetak, menyemak, menampal dan membuat pembetulan Panduan No. Panggilan.



10 April 2023 | Perpustakaan bersama-sama beberapa jabatan lain iaitu Pejabat Timbalan Naib Canselor , Pejabat Tadbir Urus Korporat & Jaminan Kualiti, Bahagian Hal Ehwal Akademik, Pusat Penyelidikan dan Jaringan Industri, Jabatan Kecemerlangan Penyelidikan UNISEL dan Pusat Pembelajaran Digital & Multimedia terlibat dalam penyediaan Bubur Lambuk dan Bubur Cha Cha sebanyak 400 pax telah diedarkan kepada warga unisel kedua-dua kampus. Ini merupakan aktiviti tahunan semasa kedatangan bulan Ramadan

AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL



13 - 14 April 2023 | Kerja-kerja membuka kolam ikan & membina taman mini baru

ALBUM PELAWAT & LAWATAN



16 Mac 2023 | Perpustakaan UNISEL, Kampus Bestari Jaya telah menerima lawatan daripada 19 orang pelajar dan tiga orang guru dari SMA Al-Islam Krian Sidoarjo, Jawa Timur, Indonesia. Lawatan ini telah dikendalikan oleh Puan Nur Adna Binti Roduan, Puan Norliza Abdul Hamid dan Puan Siti Suriani Binti Misran.



12 April 2023 | Perpustakaan UNISEL telah menerima lawatan daripada pelajar Prog ISM Sains Maklumat. Lawatan ini telah dikendalikan oleh Pn Nur Adna Binti Roduan. Objektif lawatan adalah untuk mendapatkan maklumat tentang koleksi & perkhidmatan UNISEL.

ULASAN BUKU



Judul: | 7 Tokoh Terukir Dalam Al-Quran
Penulis: | Yusri Abdul Karim
ISBN: | 9789675370151
No. Panggilan: | BP75.5 .Y87 2011
Lokasi: | Tingkat 1, Kampus Bestari Jaya dan Tingkat 1, Kampus Shah Alam
Tahun Terbitan: | 2011
Edisi: | -



Tujuh Tokoh Terukir dalam al-Quran sarat dengan kisah teladan dan iktibar. Menyingskap 7 kisah insan-insan hebat yang memiliki kelebihan dan keutamaan sehinggakan kisah mereka terukir dalam al-Quran. Ikuti perjalanan kisah Umar Ibn Al-Khattab, Uthman Ibn Affan, Khaulah Binti Tha'labah, Al-jalas Ibn Suwaid, Sa'ad Ibn Rabi', Salim Ibn Ma'qil dan Ummu Syuraik Ghaziyah Binti Jabir Al-Dausiah yang diibaratkan oleh Rasulullah s.a.w, sebagai bintang-bintang dilangit, meneladani kehidupan mereka akan mendapat petunjuk.

(Ulasan dari buku "7 Tokoh Terukir Dalam Al-Quran"- 2011)

Judul: | Design Matters: An Essential Primer
Penulis: | Maura Keller & Michelle Taute
ISBN: | 9781592537389
No. Panggilan: | Z691 .K45 2012
Lokasi: | 2nd Floor, Bestari Jaya Campus
Tahun Terbitan: | 2012
Edisi: | -

The design bar is at an all-time high for those brave enough to participate in the industry. Today's designers must be clear on all the steps necessary to create work that stands out in an increasingly competitive marketplace. Unfortunately, most design books only focus on type, color, and layout issues. The Design Matters series takes a more in-depth approach, allowing designers to learn not only how to create work that is aesthetically appealing, but also strategy-driven and smart.

This compilation features the best of the Design Matters series, indispensable guides to design, in one handy volume. Design Matters focuses on developing, creating and implementing brochure designs, logo designs, packaging, and portfolios. The compendium includes all the essential information needed to execute strong designs in concert with beautiful and well-crafted examples, so that designers can successfully hit the mark every time.

(Sources from website "<https://www.amazon.com/Design-Matters-Essential-Primer-Brochures-Portfolios/dp/1592537383>")



Title: | The New iSearch, You Search, We All Learn To Research: A How-To-Do-It Manual For Teaching Research Using Web 2.0 Tools And Digital Resources
Author: | Donna Duncan, Laura Lockhart, and Lisa Ham
ISBN: | 9781555707583
Call No.: | ZA3075 .D85 2012
Location: | 2nd Floor, Bestari Jaya Campus
Year of Publication: | 2012
Edition: | -

Today's students will become tomorrow's knowledge workers. How can librarians and teachers help children develop the critical thinking and information problem-solving skills they will need to be confident and flexible users of information in the 21st century? This unique manual adapts the innovative and effective iSearch research process for grades three through eight. Here is a blueprint for helping students formulate questions leading them to personal discoveries, as well as strategies for teaching them to fashion those discoveries into information of their own. In addition to the educational theory behind the unique iSearch information seeking process, the authors provide lesson-plans, techniques, and tools for making the information search process an adventure for students. Easy-to-use lessons tied to current technology applications demonstrate on-line teacher/librarian collaboration, online research tools and Web 2.0 resources.

(Sources from website "<https://www.amazon.com/iSearch-Search-Learn-Research-How/dp/1555707580>")

ULASAN BUKU



Title:	Library Services for Children and Young People: Challenges and Opportunities in The Digital Age
Edited by:	Carolyn Rankin and Avril Brock
ISBN:	9781856047128
Call No.:	Z718.1 .L55 2012
Location:	2nd Floor, Bestari Jaya Campus
Year of Publication:	2012
Edition:	-

A vision for children's library services in the next decade. This book provides a sound background to all aspects of library provision for 6-18 year olds. It is designed to support the strategic planning and delivery of library services and programmes at a local community level or in schools.

(Sources from website "<https://www.amazon.com/Library-Services-Children-Young-Adults/dp/1856047121>")



Judul:	Tanyalah diri
Penulis:	Roza Roslan
ISBN:	9789830975375
No. Panggilan:	BP163 .R69 2015
Lokasi:	Tingkat 1, Kampus Shah Alam
Tahun Terbitan:	2015
Edisi:	-

Karya daripada penulis hebat, Roza Roslan yang bertajuk "Tanyalah Diri" ternyata mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Setiap persoalan yang ditimbulkan dan jawapan yang bakal ditemukan amat dekat dengan diri kita. Penulis menggunakan bahasa dan ayat yang ringkas serta mudah difahami oleh pembaca. Susunan setiap bab amat terliiti dan mudah untuk kita membacanya. Mempunyai 40 soalan yang akan memberi pembaca suatu inspirasi dalam kehidupan.

(Ulasan dari buku "Tanyalah diri" - 2015)



Title:	Fundamentals of Occupational Safety and Health
Edited by :	Mark A. Friend & James P. Kohn
ISBN:	9781598887235
Call No:	T55 .F77 2014
Location:	1st Floor, Shah Alam
Year of Publication:	2014
Edition:	6th ed

The sixth edition of this popular handbook provides a thorough and up-to-date overview of the occupational safety and health field and the issues safety professionals face today, and does so in an accessible and engaging manner. An excellent introductory reference for both students and professionals, Fundamentals of Occupational Safety and Health provides practical information on technology, management, and regulatory compliance issues, covering crucial topics like organizing, staffing, directing, and evaluating occupational safety programs and procedures.

(Sources from website "<https://www.vitalsource.com/products/fundamentals-of-occupational-safety-and-health-mark-a-friend-james-p-kohn-v9781598887242>")



Title:	Mader's Understanding Human Anatomy & Physiology
Edited by :	Susannah Longenbaker
ISBN:	9781259296437
Call No:	QP34.5 .L66 2017
Location:	1st Floor, Shah Alam
Year of Publication:	2017
Edition:	9th ed

Renowned for her effective learning systems, respected author Sylvia Mader has helped thousands of entry-level students understand and enjoy the principles of human anatomy and physiology. Beginning with the sixth edition, Susannah Longenbaker has been building on Dr. Mader's format and engaging writing style while adding her own personal touch to this successful title. The writing is clear, direct and user-friendly, and enriched with new clinical information, terminology and classroom-tested features such as "Focus on Forensics" readings and in-text "Content Check-Up" questions. Drawing on over twenty years of teaching experience, Sue Longenbaker writes for the next generation of students that will learn anatomy and physiology from this classic textbook.



E-RESOURCES

GALE unisel unisel library
UNIVERSITI SELANGOR

ACADEMIC ONEFILE

More than 18,000 periodicals including 12,500 peer-reviewed journals

Need any help, please come to the library, send us an email or call us

Business & Management -
Communication & Mass Media - Education -
Engineering - Information Technology - Computer Science - Environmental Science - Health Sciences and others

Multi-disciplinary | User friendly platform | Rich in content

Click for easy access to articles aligned to major topics of study | Spend less time searching and more time digging in | More than 20,000 titles available, with scholarly and peer reviewed journals

BESTARI JAYA CAMPUS
PN.NUR ADNA BINTI RODUAN
nur_adna@unisel.edu.my
+603- 3280 5081

SHAH ALAM CAMPUS
EN.ZAIRIL AZWAN BIN OSMAN
zairil@unisel.edu.my
+603- 5522 3596

Unisel Library
<http://library.unisel.edu.my>

Academic OneFile

Emerald Publishing Limited

unisel
UNIVERSITI SELANGOR

Access content at:
<https://login.ezproxy.unisel.edu.my/login>

Contact us at :
Bestari Jaya Campus
Nur Adna binti Roduan
nur_adna@unisel.edu.my
03-32805081

Shah Alam Campus
Zairil Azwan B. Osman
zairil@unisel.edu.my
03-55223596

unisel library | Facebook | Instagram | YouTube | TikTok

emerald insight
Education eJournals
2023

Click **HERE** to find out more about the journal titles

Discover how the subject experts in your field have explored the biggest topics:

- Educational administration and leadership
- Distance education and training
- Higher education
- Sustainability in higher education
- Technology in education
- Global and comparative education
- Curriculum development and assessment
- Health education
- Work-based learning
- Distance learning

emerald PUBLISHING

If you are unable to access remotely please contact your university library for assistance.

unisel
UNIVERSITI SELANGOR

Access content at:
<https://login.ezproxy.unisel.edu.my/login>

Contact us at :
Bestari Jaya Campus
Nur Adna binti Roduan
nur_adna@unisel.edu.my
03-32805081

Shah Alam Campus
Zairil Azwan B. Osman
zairil@unisel.edu.my
03-55223596

unisel library | Facebook | Instagram | YouTube | TikTok

emerald insight
HR, Learning & Organization Studies eJournals
2023

Click **HERE** to find out more about the journal titles

Discover how the subject experts in your field have explored the biggest topics:

- The future of HR roles
- Performance management
- Workforce education
- Workforce development
- Workforce engagement
- Workforce retention
- Workforce training
- Workforce development
- The impact of AI on the labour force

emerald PUBLISHING

If you are unable to access remotely please contact your university library for assistance.

unisel
UNIVERSITI SELANGOR

Access content at:
<https://login.ezproxy.unisel.edu.my/login>

Contact us at :
Bestari Jaya Campus
Nur Adna binti Roduan
nur_adna@unisel.edu.my
03-32805081

Shah Alam Campus
Zairil Azwan B. Osman
zairil@unisel.edu.my
03-55223596

unisel library | Facebook | Instagram | YouTube | TikTok

emerald insight
Business, Management & Strategy eJournals
2023

Click **HERE** to find out more about the journal titles

Discover how the subject experts in your field have explored the biggest topics:

- Management for performance
- Strategic orientation
- Organizational development
- Innovation and entrepreneurial strategies
- Organizational behaviour
- Business ethics and law
- Conflict management
- Business leadership
- Emerging markets
- Family business

emerald PUBLISHING

If you are unable to access remotely please contact your university library for assistance.

SALAM
NUZUL AL-QURAN

07 APRIL 2023 | 17 RAMADHAN 1444H

<http://library.unisel.edu.my> unisel library FOLLOW US:UNISEL LIBRARY

unisel library

رمضان كريم

Selamat Menyambut
Ramadan Kareem
1444H/2023M

<http://library.unisel.edu.my> unisel library FOLLOW US:UNISEL LIBRARY

unisel library

SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI
MAAF ZAHIR & BATIN

IKHLAS DARIPADA:
WARGA KERJA PERPUSTAKAAN UNISEL

<http://library.unisel.edu.my> unisel library FOLLOW US:UNISEL LIBRARY

unisel library

NEED HELP?

CONNECT WITH US

<http://library.unisel.edu.my>

sirkulasi@unisel.edu.my

chat with a Librarian

If you have a question or need help with your research or assignment or want to keep up to date with latest news & updates

03-55223566
CUSTOMER SERVICE
SHAH ALAM CAMPUS

03-55223596
REFERENCE SERVICE
SHAH ALAM CAMPUS

03-32805081/5080
BJ CAMPUS

<http://library.unisel.edu.my> unisel library FOLLOW US:UNISEL LIBRARY